

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ramai lagi ahli PAS pilih UMNO

KUALA KANGSAR.
Isnin — Seramai 21 orang
ahli PAS Cawangan
Kampung Talang dekat
sini termasuk
setiausahanya dan tiga
orang ahli jawatankuasa
keluar dari parti tersebut
masuk UMNO.

Setiausaha berkenaan
ialah Encik Yusof
Mohamed Adam man-
akala tiga orang ahli ja-
watankuasa ialah Encik
Zulkifli Mohamad, Encik
Ismail Khamis dan Puan
Ainon Fadillah.

Keputusan mereka ke-
luar beramal-ramal itu
diumumkan semasa
penubuhan Cawangan
UMNO Kampung Talang
Hilir.

Encik Yusof yang
dilantik sebagai
Setiausaha UMNO cawa-
ngan baru itu, member-
itahu keputusannya
menyertai UMNO ialah
kerana beliau yakin
dengan perjuangan
UMNO sejak akhir-akhir
ini di bawah pimpinan
Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir
Mohamad dan Timbalan-
nya, Datuk Musa Hitam
memandangkan sikap
tegas mereka dalam
beberapa hal.